



## Program SME-University Internship Perkuatkan Pengajian Keusahawanan UPM



*Naib Canselor UPM, Prof. Datuk dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Dato' Hafsah Hashim*

**SERDANG, 6 April** – Program SME-University Internship akan memperkukuhkan keberkesanan pengajian keusahawanan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan fungsi universiti tempatan sebagai pusat kecemerlangan keusahawanan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kerjasama UPM dan SME Corporation Malaysia (SME Corp) akan mendedahkan pelajar kepada industri dan ilmu perniagaan.

“Program ini memberi faedah kepada Enterprais Kecil Sederhana (EKS) dari sudut pendedahan kepada perkembangan terkini aktiviti perniagaan, penggunaan teknologi dan penambahbaikan cara menjalankan perniagaan,” katanya pada majlis memorandum perjanjian (MoA) UPM bersama SME Corp di sini.

Beliau berkata program SME-University Internship merupakan kesinambungan daripada Consulting Based Learning for Asean SMEs (CoBLAS) untuk EKS ASEAN yang akan menghubungkan EKS kepada UPM dan meningkatkan keupayaan EKS dalam persaingan pasaran yang kompetitif.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Dato' Hafsah Hashim berkata program itu boleh digunakan sebagai real case study dalam pengajaran oleh pensyarah UPM bagi digunakan oleh pelajar dalam menerokai bidang keusahawanan.

“Ini akan menjadi platform pelajar meningkatkan potensi diri dan pengurusan dalam perniagaan serta menambah baik operasi sesebuah syarikat,” katanya.

Program selama empat bulan itu bermula dari Februari hingga April 2010 itu melibatkan 10 pensyarah, 20 pelajar dan empat EKS dari Selangor di Serdang, Seri Kembangan dan Bangi.



**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Noor Eszereen Juferi, 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia